

PENSIJILAN MALAYSIAN STANDARD MS ISO 9001:2015

PENGURUSAN SISTEM OPERASI BANJIR DI PUSAT KAWALAN SMART

VISI

Menjadi sebuah Pusat Kawalan bertaraf dunia dalam pengurusan air larian hujan.

MISI

Mengurus ramalan dan amaran banjir serta sistem pengesanan banjir dengan cekap dan berkesan untuk keselamatan serta pengurusan air larian hujan dan trafik dalam terowong bagi meningkatkan kualiti hidup di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

DASAR KUALITI

Pusat Kawalan SMART komited untuk menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Banjir yang berkualiti untuk memastikan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur tidak banjir akibat hujan lebat di kawasan tadahan hulu Sg. Klang dan Sg. Ampang. Pusat Kawalan SMART akan sentiasa meningkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti. Semua kakitangan harus bertanggungjawab untuk mengekalkan kualiti kerja mereka dengan mengikuti Dasar Kualiti Operasi Pusat Kawalan SMART.

OBJEKTIF KUALITI

Untuk memastikan operasi pengurusan banjir menggunakan Sistem FDS SMART berfungsi sepanjang masa secara 24jam sehari dan 7 hari seminggu sebagaimana yang direkabentuk, dengan menjalankan kerja-kerja operasi kawalan banjir di Bilik Operasi Kawalan merangkumi pengesanan, amaran dan ramalan banjir mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan.